

07/05/2001

Insentif galak pembelian syarikat asing dikaji

SUBANG JAYA, Ahad - Kerajaan sedang mengkaji bentuk insentif untuk menggalakkan syarikat tempatan membeli syarikat asing dan memindahkan teknologi bagi membantu merangsang ekonomi negara dan memberi faedah kepada rakyat.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, walaupun kerajaan masih mengalu-alukan pelaburan langsung asing (FDI), pembelian syarikat asing adalah satu pendekatan baik untuk memajukan ekonomi negara.

Katanya, syarikat Malaysia yang membeli syarikat asing lebih membawa keuntungan kerana ia turut menguntungkan rakyat manakala kerajaan boleh mengutip cukai korporat bagi kegunaan pembangunan negara berbanding FDI.

Dr Mahathir berkata, sebelum ini beberapa syarikat tempatan yang mengambil alih syarikat asing, terbukti berjaya termasuk memulih semula serta memajukan syarikat berkenaan.

"Saya berpendapat banyak syarikat Malaysia sekarang agak berani sedikit. Mereka membeli syarikat asing dan menggunakan kebolehan mereka dalam bidang pemasaran, untuk memulih semula syarikat ini.

"Biasanya syarikat yang mereka beli itu, tidak begitu maju tetapi selepas diambil alih oleh anak Malaysia, dipulih dan jadi maju semula seperti Laura Ashley dan Lotus.

"Banyak syarikat asing di Australia, England dan Amerika Syarikat dibeli oleh syarikat Malaysia. Mereka membawa teknologi ini balik ke Malaysia dan berjaya mengeluarkan barangan seperti mencipta kereta, motosikal dan kapal terbang selain pembuatan kren termasuk kren kontena bagi eksport," katanya.

Malah, Dr Mahathir berkata, rakyat tempatan kini sudah berkebolehan dan berjaya melakukan sesuatu yang tidak dapat dilakukan oleh orang lain.

Beliau berkata dalam sidang akhbar selepas merasmikan pameran "Dinosaur Animatronik Terbesar di Dunia" di pusat beli-belah The Summit USJ di sini, hari ini.

Lebih 40 dinosaur animatronik daripada 18 spesis dipamerkan selama tiga bulan. Orang dewasa dikenakan bayaran RM12 seorang manakala RM8 untuk kanak-kanak di bawah 12 tahun. Ia dianjurkan oleh Meda Inc Bhd dan Technology MAE Sdn Bhd.

Terdahulu, dalam ucapannya pada majlis itu, beliau berkata, Technology MAE Sdn Bhd bukan sahaja membawa pameran itu ke sini, malah membeli syarikat yang membuat rangka dinosaur itu.

Technology MAE Sdn Bhd, anak syarikat MAE Engineering Limited, membeli semua aset Dinamation USA, pencipta pameran itu.

Katanya, ia adalah satu pelaburan yang baik dan berpotensi dengan merangka sesuatu yang palsu tetapi boleh bergerak seperti haiwan hidup dengan menggunakan teknologi animatronik.

Beliau berkata, kerajaan ingin melihat teknologi seumpama itu berkembang di Malaysia yang boleh dijadikan bahan eksport dan membantu ekonomi negara.

"Pameran ini juga bercorak pendidikan dan berguna untuk generasi muda kerana mereka berpeluang mempelajari sesuatu yang hidup 250 juta tahun lalu iaitu sesuatu jangka masa yang sukar dibayangkan.

"Pada masa itu (250 juta tahun), tidak ada manusia. Jika ada pun, mungkin akan dimakan oleh dinosaur ini. Binatang ini sebenarnya hidup kerana terbukti dengan penemuan rangka tulangnya di dunia, iaitu tulang sebenar," katanya.

Dr Mahathir berkata, kini kerajaan mahu melindungi haiwan seperti harimau dan gajah supaya ia tidak pupus pada masa akan datang.

Katanya, banyak benda yang berlaku pada masa lalu yang tidak diketahui dan ia perlu dipelajari pada masa kini.

"Adalah penting untuk kita mempelajarinya kerana kita kini hidup dalam zaman maklumat. Kita perlu kepada sebanyak mungkin maklumat mengenai masa lalu supaya kita dapat menguruskan masa kini dan merancang untuk masa depan," katanya.

(END)